

Rancang baik pulih surau, sediakan taman rekreasi

## Berek polis dinaik taraf

Oleh **AZMAN IBRAHIM**  
dan **NUR NAZLINA NADZARI**  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 26 JAN.

**B**AGI menjaga kebajikan ahli keluarga anggota polis, kerajaan akan menaik taraf serta membaik pulih semua berek polis di seluruh negara selaras dengan aspirasi Dasar Perumahan Negara 2.0.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, selain mengubah suai berek daripada dua bilik kepada tiga bilik, kerajaan turut merancang untuk membaik pulih surau-surau dan mewujudkan taman-taman rekreasi di kawasan kediaman berkenaan.

Buat permulaan katanya, sebanyak RM13 juta akan diperuntukkan bagi membaik pulih dan menaik taraf 15 blok berek polis Markas Briged Tengah Pasukan Gerakan Am (PGA) di Cheras di sini.

Daripada jumlah itu katanya, RM8 juta daripadanya adalah daripada pejabat Perdana Menteri, RML3 juta (Kementerian Dalam Negeri) dan peruntukan tambahan RM3.7 juta (pejabat Timbalan Perdana Menteri), manakala Zahid secara peribadi turut memberi sumbangan sebanyak RM10,000.

"Sehingga kini, berek-berek polis berada dalam keadaan bahaya. Kita sangat mengambil peduli kebajikan anak-anak dan anggota polis.

"Proses pembaikan dan baik pulih berek-berek polis berkenaan akan dijalankan secara berfasa mengikut peruntukan yang dikeluarkan," katanya selepas membuat lawatan ke Markas Briged Tengah Pasukan Gerakan Am (PGA) di Cheras di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar; Ketua Polis Negara,



**AHMAD ZAHID HAMIDI dan Noh Omar menyaksikan pertukaran dokumen antara Mohamad Fuzi Harun (kiri) dengan Wan Mohd. Nor Ibrahim dalam Majlis Menandatangani Nota Kerjasama PDRM dan JBPM di Maktab PDRM Cheras, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AIZZUL A. MAJID**

Tan Sri Mohamad Fuzi Harun; Komander Briged Tengah PGA, Senior Asisten Komisioner Adzaman Mohd. Jan dan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Seri Wan Mohd. Nor Ibrahim.

Ahmad Zahid turut mengemukakan pembinaan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di Baglan Datuk, Perak khas untuk anak-

anak anggota dan pegawai polis yang menggunakan silibus pengajian Ulul Albab Imtiaz.

"Kita mahu jadikan anak-anak anggota dan pegawai menjadi ahli hufaz dan profesional. Kita mahu masuk syurga. Anak-anak hufaz yang menghafaz 30 juzuk al-Quran akan membawa tujuh ahli keluarganya masuk syurga," katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Zahid turut menggesa dan mengalukan masyarakat Cina, India dan kaum-kaum lain untuk turut sama menyertai pasukan keselamatan berkenaan.

Katanya, penyertaan kaum-kaum lain dalam pasukan keselamatan bagi menunjukkan komposisi yang tepat dalam pasukan berkenaan.